



جامعة السلطان الشريف علي الإسلامية
UNIVERSITI ISLAM SULTAN SHARIF ALI
SULTAN SHARIF ALI ISLAMIC UNIVERSITY

Fakulti Syariah dan Undang-Undang Semester I, Sesi Akademik 2016/2017

Kertas Soalan Peperiksaan

Kod Kursus : SJ 4307
Nama Kursus : Undang-Undang Keluarga Islam
Peringkat Kursus : Sarjana Muda Syariah
(Fiqh dan Kehakiman)
Masa : 3 jam

Rujukan yang dibenarkan :

Perintah Darurat (Undang-Undang Keluarga Islam) 1999
Akta Undang-Undang Keluarga Islam 2012

Nota :

Jawab **empat** soalan dari soalan-soalan berikut

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

SOALAN PERTAMA (15 markah)

a) Awang Qoh Reyt dan Dayang Kuaci adalah sepasang suami isteri. Mereka dikurniakan lima cahayamata. Mereka sentiasa berselisih faham tentang isu nafkah kerana pada pandangan Awang Qoh Reyt, Dayang Kuaci adalah wanita yang bekerja serta mampu menanggung perbelanjaan harian sendiri. Tambahan pula, Awang Qoh Reyt perlu menanggung kedua ibubapanya yang sudah uzur serta adik-adiknya yang masih belajar. Bincangkan permasalahan mereka berdua mengikut Hukum SyaraÑ serta Undang-Undang Keluarga Islam 2012.

(9 markah)

b) Nyatakan hukum *rujEÑ* di dalam situasi yang berikut:

- i. yang dibuat sejurus lafaz *talEq raj'i*;
- ii. semasa tempoh ‘*iddah* sudah tamat;
- iii. selepas lafaz *talEq bE'in kubrE*.

(6 markah)

SOALAN KEDUA (15 markah)

a) Sila nyatakan status perkahwinan yang berikut mengikut hukum SyaraÑ serta perundangan Negara Brunei Darussalam:

- i. Ali bersama Paloma yang berugama Buddha.
- ii. Perkahwinan pasangan yang diakadnikahkan oleh sepupu lima kali kepada anak saudara jiran sebelah rumah.
- iii. Perkahwinan yang disaksikan oleh 17 barisan jama'ah masjid.
- iv. Akad nikah pasangan tanpa wali *nasab* tetapi berwali hakim di Kuala Belait.

(8 markah)

- b) Sila berikan pandangan buat mereka yang sudah berumahtangga dan mempunyai komitmen hutang yang banyak namun terlanjur melakukan persetubuhan haram dengan individu yang lain dari perspektif poligami mengikut hukum Syara' serta perundangan Negara Brunei Darussalam.

(7 markah)

SOALAN KETIGA (15 markah)

- a) Terangkan perbezaan yang terdapat diantara kesan *talÉq* dan *fasakh* yang dibincangkan oleh fuqaha'.

(5 markah)

- b) Dayang Jasmain sudah 18 tahun berkahwin. Namun dia tidak pernah kenal apa itu kebahgiaan dalam perkahwinan. Saban hari dia pasti ditarik rambut oleh suaminya. Tanda lahir di bahagian lengannya kini sudah tidak lagi kelihatan kerana terlalu banyak kesan lebam penangan suaminya. Nafkah perbelanjaan hariannya sebagai isteri jarang diterima. Dia terlalu ingin mengadu kepada keluarganya, tetapi dia diugut oleh suaminya andai perkara yang berkenaan dengan masalah rumah tangga mereka diketahui keluarganya, maka jatuhlah talaq seratus keatasnya. Dayang Jasmain sudah tidak mampu bertahan lagi. Sebagai penasihat undang-undang, awda diminta untuk memberi jalan penyelesaian kes Dayang Jasmain berpandukan hukum Syara' dan Akta Undang-Undang Keluarga Islam 2012 serta kes-kes sokongan dengan menyatakan jenis-jenis pembubaran perkahwinan yang sesuai untuk kes Dayang Jasmain.

(10 markah)

SOALAN KEEMPAT (15 markah)

- a) Awang Bolat dan Dayang Xeroxah kini sudah bercerai. Mereka dulu adalah pasangan yang susah. Terpaksa hutang disana sini. Isterinya pula lumpuh bahagian kaki selepas melahirkan anak mereka yang ketiga. Tanggungjawabnya sebagai isteri tetap dipikul walau agak terhad. Namun berkat doa dan usaha gigih, Awang Bolat kini mempunyai syarikat menjual emas tersendiri. 15 ekar tanah juga dibangunkan olehnya untuk pelaburan masa depan. Dayang Xeroxah ingin menuntut aset-aset tersebut dibawah harta sepencarian. Menurut Awang Bolat, bekas isterinya itu tidak berhak keatas kesemua aset tersebut kerana hanya dia yang selama ini berusaha siang malam mendapatkannya. Lagipun kata Awang Bolat ayat mengenai harta sepencarian itu tidak terdapat di dalam al-Qur'an ataupun Sunnah. Bincangkan hak-hak mereka terhadap aset tersebut.
- (9 markah)**

- b) Nyatakan pengertian mut'ah dan dalil pensyari'atannya serta individu-individu yang berhak mendapatkan mut'ah mengikut hukum Syara' dan perundungan Negara Brunei Darussalam.

(6 markah)

SOALAN KELIMA (15 markah)

- a) Nyatakan pengertian mumayyiz mengikut hukum Syara' dan Akta Undang-Undang Keluarga Islam 2012.
- (3 markah)**

b) Terangkan mengenai hadanah (penjagaan) anak yang belum mumayyiz mengikut hukum Syara' dan Akta Undang-Undang Keluarga Islam 2012 beserta dengan rujukan kes-kes yang sesuai.

(6 markah)

c) Akibat tekanan kehidupan selepas bercerai serta bebanan hutang, Ulya mengambil dadah. 2 orang anaknya yang didalam penjagaannya masih menyusu badan. Bekas suaminya berkeras mahu mengambil anak-anak tersebut untuk dijaga oleh ibu bekas suaminya. Ulya sama sekali tidak bersetuju. Bincangkan dari sudut hukum Syara' dan perundangan Negara Brunei Darussalam.

(6 markah)

بالتوفيق والنجاح